

Mar/Apr 2025, Issue 390

## Wakaf ETF Pencetus Perubahan Untuk Ekonomi Malaysia

***The SmartInvestor***

Walaupun landskap pelaburan Shariah di Malaysia telah mencapai pelbagai kejayaan yang signifikan, masih terdapat ruang untuk inovasi lanjut bagi memenuhi permintaan pelabur yang sentiasa berkembang.

Untuk merancakkan potensi pasaran dan melangkaui pendekatan harta tanah tradisional, tawaran alternatif seperti Dana Dagangan Bursa (ETF) yang cekap, telus dan terkawal bagi penjanjanaan aset Wakaf perlu diperkenalkan untuk memperkuatkuhan ekosistem kewangan Islam.

Walaupun tidak dihadapi di peringkat tempatan, cabaran yang dihadapi oleh produk kewangan ini adalah perbezaan dalam Fiqh Syariah, kadangkala boleh menjadi faktor dalam kadar penerimaan produk di luar geografi untuk produk dikeluarkan. Namun begitu, kemas kini rangka kerja yang kerap daripada pihak pengawalselia yang terus bergerak selaras dengan kehendak pasaran memperkasakan kepositifan di kalangan pihak berkepentingan dalam industri.

Pengenalan instrumen inovatif Eq8 FTSE Malaysia Enhanced Dividen Waqf ETF (EQ8WAQF) oleh Eq8 Capital adalah satu contoh langkah proaktif kami dalam meluaskan pilihan pelabur dan memperkuatkuhan peranan Wakaf dalam pembangunan ekonomi. EQ8WAQF mewakili satu evolusi dalam filantropi berasaskan Wakaf dalam pasaran kewangan Malaysia di mana struktur ETF menawarkan dimensi baharu dari segi kemudahan akses, kecekapan, dan ketelusan. Dengan mengintegrasikan manfaat pelaburan patuh Shariah dengan kecairan dan keberkesanan kos ETF, EQ8WAQF memudahkan pelabur untuk menyumbang kepada projek-projek sosio-ekonomi sambil memperolehi pertumbuhan kewangan. Inovasi ini melengkapi ekosistem kewangan Islam yang lebih luas di Malaysia, mengukuhkan peranan Wakaf dalam pasaran modal, dan selaras dengan trend global yang mengutamakan pelaburan yang memberi impak dan mampan.

Produk inovatif ini direka untuk menarik minat semua pelabur individu yang ingin memanfaatkan kuasa Pelaburan Dengan Impak Berganda (Dual-Impact Investing) di mana pelabur boleh meraih keuntungan kewangan melalui kenaikan nilai modal dan pengagihan pendapatan, serta faedah sosial melalui sumbangan dividen kepada tujuan Wakaf. Selain itu, ETF yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities (Bursa Malaysia) membolehkan akses yang lebih demokratik kepada semua jenis pelabur, termasuk pelabur institusi.

Dengan struktur dan mekanisme yang cekap dan telus, EQ8WAQF memudahkan pengagihan dana ke sektor-sektor penting seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, alam sekitar, dan pemerkasaan ekonomi, sekaligus menyokong pembangunan sosio-ekonomi Malaysia dan selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Sustainable Development Goals).

Kami bertuah kerana berpengalaman mendalam mengenai konsep dana yang berkaitan dengan Wakaf, seperti yang dibuktikan melalui Kenanga Waqf Al-Ihsan Fund dan Kenanga Emergency Waqf Musa'adah Fund yang dilancarkan pada tahun 2021 dan 2022, hasil kerjasama antara syarikat induk kami, Kenanga Investors Berhad (KIB), dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). Kami kemudian berusaha untuk mencipta instrumen yang memanfaatkan pelaburan pasif dan kemudahan akses ETF di pasaran saham melalui EQ8WAQF. Kesinambungan kerjasama erat antara Eq8 dan YWM adalah langkah yang semula jadi.

Setakat ini, tumpuan kami adalah pada perkembangan EQ8WAQF di Malaysia bagi memastikan kelestarian dividen untuk tujuan Wakaf. Namun, kami mengakui potensi global bagi ETF yang berasaskan Wakaf. Dengan lebih banyak broker di pelbagai geografi yang menawarkan akses langsung ke pasaran saham Malaysia, pengembangan adalah relevan sebaik sahaja kesedaran semakin meningkat.

## TENTANG PAKAR

Umar Alhadad ialah Pengarah Eksekutif dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Eq8 Capital Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai i-VCAP Management Sdn Bhd). Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Perancangan Strategik dan Risiko di Kenanga Investors Berhad (KIB), di mana beliau memacu inisiatif utama, penggabungan dan pengambilalihan, transformasi digital, serta pengurusan risiko. Umar juga menghabiskan enam tahun bersama pasukan Perancangan Korporat Kumpulan dan Transformasi di Kenanga Investment Bank Berhad.

***Disclaimer:*** This article is solely for general information purposes. This advertisement is solely for general information purposes. The advertisement has not been reviewed by the Securities Commission Malaysia ("SC"). The information contained herein does not constitute any investment advice. Past performance is not indicative of future performance. Eq8 Capital Sdn Bhd (Formerly known as i-VCAP Management Sdn Bhd) 200701034939 (792968-D).

-END-

Source:

**The SmartInvestor (Issue 390, Page 52 to 53)**

>> KEWANGAN



Walaupun landskap pelaburan Shariah di Malaysia telah mencapai pelbagai kejayaan yang signifikan, masih terdapat ruang untuk inovasi lanjut bagi memenuhi permintaan pelabur yang sentiasa berkembang.

Untuk merancakkan potensi pasaran dan melangkuai pendekatan haratanah tradisional, tawaran alternatif

seperti Dana Dagangan Bursa (ETF) yang cekap, telus dan terkawal bagi penjanaan aset Wakaf perlu diperkenalkan untuk memperkuatkan ekosistem kewangan Islam.

Walaupun tidak dihadapi di peringkat tempatan, cabaran yang dihadapi oleh produk kewangan ini adalah perbezaan dalam Fiqh Syariah, kadangkala boleh menjadi

faktor dalam kadar penerimaan produk di luar geografi untuk produk dikeluarkan. Namun begitu, kemas kini rangka kerja yang kerap daripada pihak pengawalselia yang terus bergerak selaras dengan kehendak pasaran memperkasakan kepositifan di kalangan pihak berkepentingan dalam industri.

Pengenalan instrumen inovatif Eq8 FTSE Malaysia Enhanced Dividen Waqf ETF (EQ8WAQF) oleh Eq8 Capital adalah satu contoh langkah proaktif kami dalam meluaskan pilihan pelabur dan memperkuatkan peranan Wakaf dalam

#### PENAFIAN

Artikel ini adalah semata-mata untuk tujuan maklumat umum. Iklan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Maklumat yang terkandung di sini tidak membentuk sebarang nasihat pelaburan. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan atau menjamin prestasi masa hadapan.

pembangunan ekonomi. EQ8WAQF mewakili satu evolusi dalam filantropi berasaskan Wakaf dalam pasaran kewangan Malaysia di mana struktur ETF menawarkan dimensi baharu dari segi kemudahan akses, kecekapan, dan ketelusan. Dengan mengintegrasikan manfaat pelaburan patuh Shariah dengan kecairan dan keberkesanannya kos ETF, EQ8WAQF memudahkan pelabur untuk menyumbang kepada projek-projek sosio-ekonomi sambil memperolehi pertumbuhan kewangan. Inovasi ini melengkapi ekosistem kewangan Islam yang lebih luas di Malaysia, mengukuhkan peranan Wakaf dalam pasaran modal, dan selaras dengan trend global yang mengutamakan pelaburan yang memberi impak dan mampan.

Produk inovatif ini direka untuk menarik minat semua pelabur individu yang ingin memanfaatkan kuasa Pelaburan Dengan Impak Berganda (Dual-Impact Investing) di mana pelabur boleh meraih keuntungan kewangan melalui kenaikan nilai modal dan pengagihan pendapatan, serta faedah sosial melalui sumbangan dividen kepada tujuan Wakaf. Selain itu, ETF yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities (Bursa Malaysia) membolehkan akses yang lebih demokratik kepada semua jenis pelabur, termasuk pelabur institusi.

Dengan struktur dan mekanisme yang cekap dan telus, EQ8WAQF memudahkan pengagihan dana ke sektor-sektor penting seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, alam

#### APAKAH ITU DANA DAGANGAN BURSA ATAU ETF?

ETF ialah produk kewangan inovatif yang menggabungkan ciri terbaik dana terbuka dan saham tersenarai. Menurut Panduan Dana Dagangan Bursa oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), ETF ditakrifkan sebagai "satu dana penyejak indeks yang distruktur sebagai skim unit amanah atau apa-apa struktur lain yang diluluskan yang mana objektif utama adalah untuk mencapai pu-langan yang selaras dengan pencapaian indeks tertentu".

Secara ringkasnya, ETF merupakan unit amanah yang disenaraikan dan diniagakan di Bursa, ia lazimnya diurus secara pasif, bertujuan untuk meniru prestasi indeks pasaran tertentu sama ada melalui pelaburan penuh (percontohan sempurna) atau sebahagian (pensampelan strategik) dalam sekuriti yang membentuk indeks tersebut.

sekitar, dan pemerkasaan ekonomi, sekaligus menyokong pembangunan sosio-ekonomi Malaysia dan selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Sustainable Development Goals).

Kami bertuah kerana berpengalaman mendalam mengenai konsep dana yang berkaitan dengan Wakaf, seperti yang dibuktikan melalui Kenanga Waqf Al-Ihsan Fund dan Kenanga Emergency Waqf Musa'adah Fund yang dilancarkan pada tahun 2021 dan 2022, hasil kerjasama antara syarikat induk kami, Kenanga Investors Berhad (KIB), dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). Kami kemudiannya berusa-

ha untuk mencipta instrumen yang memanfaatkan pelaburan pasif dan kemudahan akses ETF di pasaran saham melalui EQ8WAQF. Kesinambungan kerjasama erat antara Eq8 dan YWM adalah langkah yang semula jadi.

Setakat ini, tumpuan kami adalah pada perkembangan EQ8WAQF di Malaysia bagi memastikan kelestarian dividen untuk tujuan Wakaf. Namun, kami mengakui potensi global bagi ETF yang berasaskan Wakaf. Dengan lebih banyak broker di pelbagai geografi yang menawarkan akses langsung ke pasaran saham Malaysia, pengembangan adalah relevan sebaik sahaja kesedaran semakin meningkat. ■

#### TENTANG PAKAR

Umar Alhadad ialah Pengarah Eksekutif dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Eq8 Capital Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai i-VCAP Management Sdn Bhd). Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Perancangan Strategik dan Risiko di Kenanga Investors Berhad (KIB), di mana beliau memacu inisiatif utama, penggabungan dan pengambilalihan, transformasi digital, serta pengurusan risiko. Umar juga menghabiskan enam tahun bersama pasukan Perancangan Korporat Kumpulan dan Transformasi di Kenanga Investment Bank Berhad.



**This advertisement has not been reviewed by the Securities Commission Malaysia.**

Eq8 Capital Sdn Bhd (Formerly known as i-VCAP Management Sdn Bhd)  
Company No: 200701034939 (792968-D)  
Level 13, Kenanga Tower, 237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia  
Toll Free: 1-800-88-373